Johor Bahru dan menjejaskan tiga buah rumah di situ, namun keadaan semakin pulih dan tiada pemindahan mangsa dilakukan.

Dalam perkembangan berkaitan, 42 mangsa daripada sembilan keluarga terjejas apabila rumah mereka dinaiki air di Kampung Parit Basilam dan Kampung Maju Jaya di Pontian, petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon, berkata semua mereka ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Madrasah Parit Silam dan Homestay Kampung Maju Jaya sejak jam 6 petang.

Selain itu, katanya, sebahagian kawasan di Kampung Sari Baru dan Kampung Seri Gelam di Muar turut terjejas apabila tiga rumah dilanda banjir kilat jam 11 pagi tadi, namun tiada mangsa dipindahkan dan air dilaporkan semakin surut.

Beliau berkata, kerajaan negeri memandang serius kejadian sedemikian dan pihak berkuasa termasuk bomba, APM, polis, pejabat tanah dan daerah sentiasa memantau keadaan dan akan memberikan bantuan segera.